

سُورَةٌ

# Auladuna

2024(UP) 600-002/042(47)



مؤسسة دعوه اسلاميه  
مركز الدعوه الاسلاميه  
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 47

## Mekah al-Mukarramah

Kota Suci  
Mekah 3

Adab Ketika  
Berada  
di Mekah 7

Masjidilharam 8



# Kandungan Auladuna

- KALAM AULADUNA** ————— 3
- ASMA'UL HUSNA** ————— 4
- PENGENALAN SURAH** ————— 5
- SIFAT ALLAH** ————— 6
- ADAB ISLAMI** ————— 7
- INGIN TAHU** ————— 8
- KAMUS 3 BAHASA** ————— 9
- AMAR MA'RUF** ————— 10
- BACA DAN TULIS** ————— 11

- NAHI MUNKAR** ————— 12
- BINA PERKATAAN** ————— 13
- PERAMBAHAN BRUNEI** ————— 14
- SAMBUNG JAWI** ————— 15
- ASAH MINDA** ————— 16
- KAMUS BRUNEI** ————— 17
- SESUAI DAN PADANKAN** ————— 18
- GAMBAR TERSEMBUNYI** ————— 19
- DOA** ————— 20

## Anggota Redaksi

### EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

### PENOLONG EDITOR

Qairunnisa binti Haji Jalil

### PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim

### SUSUN ATUR & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

### PEMBANTU PENYELARAS

Md. Zelihan bin Ahad

Azizah binti Hidup

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Surialti binti Haji Ali Hussin

Dayang Hayatun Syakirah Haji Awang Abd. Ghani

### PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin

Nurul Nabilah binti Masri



# Kota Suci Mekah

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mekah adalah sebuah kota yang terkenal dengan tempat suci dan penuh dengan sejarah Islam yang sangat penting dan istimewa. Di Tanah Suci Mekah inilah bermulanya da'wah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan sahabatnya dengan menyebarluaskan agama Islam. Terdapat banyak tempat-tempat bersejarah dan suci yang sering dikunjungi oleh para pelawat dari seluruh dunia. Kesemua tempat-tempat istimewa di Kota Mekah ini mempunyai ceritanya tersendiri sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Qur'an dan hadits. Beberapa tempat suci dan bersejarah di Tanah Suci Mekah itu antaranya, ialah:



Semoga kita akan diundang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk datang menziarahi dan melihat sendiri tempat-tempat yang istimewa ini.



### Yang Maha Benar

*Dan katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : “Kebenaran itu adalah daripada Tuhan kamu maka sesiapa yang mahu (beriman) hendaklah dia beriman dan sesiapa yang mahu (kafir) biarlah dia kafir.”*

Surah al-Kahfi: 29

Al-Haq bermaksud Yang Maha Benar. Mbenarkan Islam sebagai agama-Nya. Rasul dan kitab adalah benar serta janji Allah tidak pernah berdusta. Sesiapa yang banyak berzikir dengan menggunakan nama ini, Allah akan menetapkan ia di atas kebenaran dan menjauhi dari kebohongan.

# سورة الحاقة

## SURAH AL-HAAQQAH



Surah ke-69 dan diturunkan di Mekah. Mengandungi 52 ayat. Surah ini dimulakan dengan penegasan tentang hari Kiamat.



Mengisahkan mengenai azab yang ditimpakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas kaum Tsamud, 'Aad, Fir'aun bersama pengikutnya dan juga kaum Nabi Nuh 'alaihissalam.



Mereka diazab (Kaum Tsamud, 'Aad, Fir'aun bersama pengikutnya dan juga kaum Nabi Nuh 'alaihissalam) kerana mendustakan para rasul dan kebenaran hari Kiamat.



Surah ini memberikan gambaran mengenai hari Kiamat yang sangat dahsyat dan gambaran balasan bagi mereka yang menerima kitab amalannya di tangan kanan dan di tangan kiri.



Surah ini diakhiri dengan menyatakan bahawa al-Qur'an adalah kitab yang memberikan pengajaran, peringatan dan berita benar.

Sifat Allah



## SIFAT MUSTAHIL BAGI ALLAH

Antara sifat 20 yang mustahil bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah:





# Adab Ketika Berada di Mekah



Mengharap sepenuhnya kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menyedari kita sebagai tetamu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Tolong-menolong.

Menunjukkan akhlak yang mulia.

Perjalanan umrah dan haji adalah ibadat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Bersyukur dan redha dengan apa jua yang telah disediakan.

Menjauhi perbuatan yang keji (*mazmumah*).

Elakkan sifat sompong dan takbur.

Elakkan pertengkaran dengan orang lain.

Elakkan menghabarkan berita-berita yang tidak benar.

Perbanyakkan ibadah seperti tawaf, sa'ie, membaca al-Qur'an, berzikir, istighfar dan bertaubat.



## Ingin Tahu

# MASJIDILHARAM



Masjidilharam adalah sebuah masjid yang terletak di tengah Kota Mekah dan dibina mengelilingi Ka'bah. Digunakan sebagai tempat utama menunaikan salah satu rukun Islam iaitu ibadah haji dan umrah seperti tawaf dan sa'ie.

Di dalam dan berhampiran dengan Masjidilharam terdapat beberapa kawasan penting seperti:



**Ka'bah:** Kiblat umat Islam semasa melakukan sembahyang, tumpuan ziarah semasa umrah dan haji. Ia terletak di tengah-tengah Masjidilharam. Ka'bah adalah sebuah struktur berbentuk kiub.



**Maqam Nabi Ibrahim:** Bekas kedua-dua tapak kaki Nabi Ibrahim *'alaihissalam'*.



**Hajar al-Aswad:** Terletak di penjuru keempat Ka'bah.




**Hijr Ismail:** Pagar batu berlingkar (seperti pagar) dan terletak berhampiran dengan Ka'bah.



**Telaga zam-zam:** Air yang suci dan diturunkan kepada Siti Hajar untuk menghilangkan dahaga Nabi Ismail *'alaihissalam'* yang masih bayi ketika itu.



**Bukit Safa' dan Marwah:** Bukit tempat isteri Nabi Ibrahim *'alaihissalam'* iaitu Siti Hajar yang berulang-alik antara Bukit Safa' dan Marwah mencari air untuk dirinya sendiri dan anaknya Nabi Ismail *'alaihissalam'*.



2

3

4

5

PISAU  
KNIFE

سِكِّينٌ

CAWAN  
CUP

فِنجَانٌ

PIRING  
PLATE

صَحنٌ

GARPU  
FORK

شُوْكَةٌ

SUDU  
SPOON

مِلْعَقَةٌ





# Perintah Mengasihi

## Allah Subhanahu Wa Ta'ala

قُلْ إِنَّكُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُوهُ فَإِنْ يُحِبِّكُمُ اللَّهُ  
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ عَفُوٌ عَنِ الْجِنَّةِ  
٢١

Mafhumnya:

Katakanlah ( Wahai Nabi Muhammad! ) : “Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

( Surah Aali- 'Imraan:31 )



# Larangan Bersifat Sombong

وَلَا تَمْسِّ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَنْ تَخْرُقَ الْأَرْضَ  
وَلَنْ تَبْلُغَ الْجَهَالَ طُولًا ﴿٢٧﴾

Mafhumnya:

*Dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sompong kerana sesungguhnya engkau sekali-kali tidak akan dapat menembusi bumi dan engkau sekali-kali tidak akan dapat sampai setinggi gunung.*

( Surah al-Israa' : 37)




فَلَيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ﴿٢﴾

لِإِلَهِ فَرِيشٍ ﴿٣﴾

الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّنْ جَوَعٍ وَآمَنَّهُمْ  
مِّنْ حَوْفٍ ﴿٤﴾

إِلَهُهُمْ رِحْلَةُ الشَّتَاءِ وَالصَّيفِ ﴿٥﴾

Tulis susunan ayat surah al-Quraisy yang betul di bawah ini:



Cuba bina 10 perkataan daripada perkataan di bawah ini

## MASJIDILHARAM



# Perambahan Brunei



## INDA MELIAT JALAMA

Ertinya sompong dan kurang hormat

Contoh:

Ramai orang yang inda sukakan perangainya yang *inda melihat jalama*.



## KARAK WAYANG

Ertinya sangat suka menonton wayang.

Contoh:

Bisdia atau *karak wayang* filem katun banar.



## MACAM AING

Ertinya mudah dan lancar.

Contoh:

*Macam aing* ganya ia menjawab soalan peperiksaan atu.



Sila sambung ejaan jawi berikut:

ا م ف ت س ک ي س ا م

ب و ج و ر

ك و ن

س ل ي ن د ر

ك ي و ب

## Asah Minda

Cari nama tempat-tempat mustajab untuk berdoa semasa berada di Mekah al-Mukarramah sekitar Masjidilharam di dalam kotak berikut:

Bukit Marwah, Bukit Safa', Hijr Ismail, Multazam, Maqam Ibrahim, Ka'bah, Hajar al-Aswad, Mina, 'Arafah, Muzdalifah

A	B	U	K	I	T	S	A	F	A	'	M	H
B	B	M	I	E	T	S	U	O	P	F	U	A
A	S	Q	W	W	R	S	H	H	K	L	Z	J
W	M	U	L	T	A	Z	A	M	J	G	D	A
L	Q	I	Q	L	U	I	W	Y	I	Y	A	R
I	A	I	H	L	L	W	R	F	H	U	L	A
A	W	Q	J	A	U	E	A	C	C	G	I	L
M	T	I	O	N	R	T	M	A	F	S	F	A
S	R	A	L	I	J	B	T	N	T	H	A	S
I	U	R	E	M	O	R	I	N	L	J	H	W
R	K	A	Y	D	W	Q	K	M	F	V	B	A
J	S	F	R	H	E	I	U	V	A	U	I	D
I	Y	A	S	J	T	I	B	N	M	Q	K	T
H	E	H	G	W	E	U	G	V	X	D	A	Y
U	W	S	D	K	A	'	B	A	H	X	J	M



### GARAWANG

Ertinya: Berlubang  
Contoh: Abis udah  
ber*garawang* atap  
rumah atu.



### GARUSUH

Ertinya: Tergesa-Gesa.  
Contoh: Perlahan-lahan  
saja membuat keraja atau,  
jangantah *garusuh-garusuh*.



### GIMBAR

Ertinya: Bersusun,  
bersebelahan.  
Contoh: jangan be*gimbar*  
main biskal di pail.



# Sesuai & Padankan

Sila isikan dengan jawapan yang betul

## MEKAH

## MADINAH

Masjidilharam

Hajar al-Aswad

Maqam Nabi  
Muhammad

*Shallallahu 'alaihi  
wa sallam*

Hijr Ismail

Jabar Rahmah

Masjid Nabawi

Padang 'Arafah

Kubah Hijau

Mina

Safa' dan Marwah

Raudhah

Gambar  
Tersembunyi

Cari 10 ekor UNTA



# DOA

## MOHON DITERIMA AMAL IBADAH

وَلَاذِرْفَعُ إِبْرَاهِيمَ الْقَوَاعِدِ مِنَ الْبَيْتِ وَلَا سَمَعِيلُ  
رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

Mafhumnya:

*“Ya Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami membina Ka’bah ini). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

(Surah al-Baqarah: 127)

